

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]

SOALAN

PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan kesemua lantikan politik dan latar belakang mereka di semua lembaga dan majlis di Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, Mesyuarat Jemaah Menteri (MJM) bertarikh 1 Julai 2020 telah bersetuju bahawa pelantikan jawatan Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah (ALP) adalah terletak di bawah bidang kuasa YB Menteri Kementerian masing-masing. Jemaah Menteri juga bersetuju supaya senarai calon yang dicadangkan bagi mengisi jawatan Pengerusi dan ALP dalam badan-badan berkanun dan syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) di bawah Kementerian dikemukakan terlebih dahulu untuk diteliti oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebelum dimuktamadkan bagi memastikan calon yang bersesuaian dan benar-benar layak sahaja yang akan dilantik. Selaras dengan itu, semua lantikan politik di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) telah mematuhi keputusan MJM ini.

Maklumat lantikan politik dan latar belakang Ahli Lembaga Agensi dan Majlis di bawah KPPK adalah seperti berikut:

BIL.	NAMA	AHLI LEMBAGA BAGI AGENSI/MAJLIS	LATAR BELAKANG
SEKTOR SAWIT			
1.	YB. Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub	Pengerusi Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)	- Ahli Parlimen Machang, Kelantan (P.029) - Mantan Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) (2015-2018) - Mantan Pengerusi LKTN (2015-2016)
2.	YBrs. Dr. Rosni binti Adam	Ahli Lembaga Pengarah MPOB	- Doktor Pergigian

SOALAN NO : 504

3.	Tuan Haji Bakri Jamaluddin	Ahli Lembaga Pengarah MPOB	Pengurus Besar KLK Berhad
4.	Tuan Haji Burhanuddin Hilmi bin Mohamed @ Harun	Ahli Lembaga Pengarah MPOB	Ahli Lembaga Pengarah Terengganu <i>Incorporated</i> Sdn Bhd Ahli Lembaga Pengarah TDM Berhad
6.	YB. Dato' Osman bin Sopian	Pengerusi Pemegang Amanah Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC)	Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kempas, Johor (N.47) Pengerusi Johor <i>Corporation</i> (JCORP) Pengerusi Iskandar Region Development Authority (IRDA)
7.	YBhg. Dato' Mohamad Sahfri bin Ab Aziz	Ahli Pemegang Amanah MPOC	Ahli Lembaga Pengarah Koperasi Serbausaha Makmur (KOSMA) Ahli Lembaga Pengarah Syarikat Perladangan LKPP <i>Property</i> Sdn Bhd
8.	Encik Khairul Faizi bin Ahmad Kamil	Ahli Pemegang Amanah MPOC	Penolong Pengurus Syarikat Teras Ilmuan <i>Enterprise</i> Pengurus Syarikat Minda Sejahtera <i>Resources</i>
9.	Encik Muhtar bin Suhaili	Pengerusi Ahli Lembaga Pemegang Amanah Majlis Pensijilan Minyak	Ketua Jurutera Projek di Shell Malaysia <i>Exploration and Production</i>

		Sawit Malaysia (MPOCC)	
10.	YBrs. Dr. Kamarul Zaman bin Haji Yusoff	Ahli Lembaga Pemegang Amanah MPOCC	Pensyarah Universiti Utara Malaysia
12.	YBrs. Prof. Madya Dr. Mohamad Amran bin Mohd Salleh	Ahli Lembaga Pemegang Amanah MPOCC	Pensyarah Universiti Putra Malaysia Pernah menjalankan R&D dan merekabentuk dan membangunkan <i>biochar pilot plant</i> pada tahun 2010
14.	YBrs. Dr. Hajah Halimah binti Ali	Ahli Lembaga Pemegang Amanah MPOCC	Pengamal Perubatan Swasta
SEKTOR GETAH			
1.	YB. Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris	Pengerusi Lembaga Getah Malaysia (LGM)	Ahli Parlimen Jerantut, Pahang (P081) Penasihat Kluster FGV
2.	YAB. Muhammad Sanusi bin Mohd Nor	Ahli Lembaga Pengarah LGM	Menteri Besar Kedah Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jeneri, Kedah (N.24)
3.	Encik Muhammad Ismi bin Mat Taib	i. Pengerusi LGM Properties Corporation ii. Ahli Lembaga Pengarah LGM	Pengarah Syarikat Perladangan MKJ Ismi Sdn Bhd Pengarah Urusan Darul Mubarak Travel & Tours Sdn Bhd
4.	Encik Nurul Islam bin Mohamed Yusoff	i. Ahli Lembaga Pengarah LGM	Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Terengganu <i>Strategic & Integrity Institute</i>

SOALAN NO : 504

		ii. Ahli Lembaga Pengarah LGM Properties Corporation	Ahli Lembaga Pengarah Konsortium Perkapalan Kemaman
5.	Encik Khairul Azwan Harun	Ahli Lembaga Pengarah LGM <i>Properties Corporation</i>	Senator (2016-2019) Pengarah Syarikat <i>Advisory, Corporate & Commercial</i>
6.	YBhg. Dato' Haji Jefridin Bin Haji Atan	Ahli Lembaga Pemegang Amanah <i>Malaysian Rubber Council (MRC)</i>	Ahli Lembaga Jawatankuasa Pemegang Amanah Kursi Sheikh Fahim Abdullah
7.	YB. Datuk Nizam Datuk Seri Panglima Abu Bakar Titingan	Ahli Lembaga Pemegang Amanah MRC	Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kawasan Apas, Sabah (N.56)
SEKTOR KAYU DAN KENAF			
1.	YB Tn. Jugah Anak Muyang @ Tambat	Pengerusi Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB)	Ahli Parlimen Lubok Antu, Sarawak (P203)
2.	Encik Mohd Kamal Nazmi Bin Kamaruddin	Ahli Lembaga Pemegang Amanah <i>Malaysian Timber Council (MTC)</i>	Bekas Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif II, Terengganu <i>Strategic and Integrity Institute</i>
SEKTOR KENAF			
1.	YB. Dr Azman Ibrahim	Pengerusi Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN)	Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kawasan Jabi, Terengganu (N.05).
SEKTOR LADA			
1.	YB. Tuan Anyi Ngau	Pengerusi	Ahli Parlimen Baram, Sarawak (P220)

SOALAN NO : 504

		Lembaga Lada Malaysia (MPB)	
2.	Encik Krishnan Kumar A/L Letchumenan	Ahli Lembaga Pengarah MPB	- Pengurus Syarikat Perniagaan dan Agensi Pengangkutan Kumar
3.	Tuan Haji Jofri Bin Jaraiee	Ahli Lembaga Pengarah MPB	- <i>Mechandizer Scheduler</i> Petronas Carigali Sdn Bhd
4.	Encik Baka anak Riden	Ahli Lembaga Pengarah MPB	- Pengurus Projek <i>Mechunma</i> Sdn. Bhd.
SEKTOR KOKO			
1.	Encik Paumin@Mohd Aminuddin bin Aling	Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Koko Malaysia (LKM)	- Pernah menjadi Pegawai Pembantu Luar Lembaga Padi Sabah
2.	Encik Presley anak Siros	Ahli Lembaga Pengarah LKM	- Pengurus Cawangan Malaysia <i>National Insurance Bhd</i> (1989 - 1994)
3.	Encik Tan Eng Meng	Ahli Lembaga Pengarah LKM	- Pengarah Eng Meng <i>Decoration</i> - Pengarah <i>Allied Precision Manufacturing (M) Sdn Bhd</i> - Pengarah Pegang <i>Jaya Holdings Sdn Bhd</i> - Pengarah Be Far <i>Trading Sdn Bhd</i>

Sekian, terima kasih.